



### **ROGOL BAWAH UMUR BUKAN ISU KAUM**

Semalam, pada 18 Mac 2014, Timbalan Menteri Dalam Negeri Yang Berhormat Datuk Dr Wan Junaidi Wan Jaafar telah menyatakan di sidang Parlimen kononnya orang Melayu “lebih sensitif” terhadap kejadian rogol ke atas kanak-kanak (rogol bawah umur) berbanding kaum-kaum lain di negara ini. Beliau turut menambah bahawa kaum-kaum lain mungkin lebih cenderung untuk menerima kejadian rogol sebegini, dan kurang membuat laporan polis tentangnya.

Negara kita akhir-akhir ini seringkali dirundung insiden ketegangan antara kaum, dan kenyataan sebegini hanya berfungsi memburukkan lagi keadaan sedia ada. Sebagai organisasi yang berkhidmat ke arah menegakkan hak-hak wanita, Pusat Kesedaran Wanita ingin menegaskan bahawa rogol, terutamanya rogol bawah umur, tidak pernah “diterima” oleh mana-mana kaum di negara ini. Kami percaya rakyat Malaysia amnya, samada lelaki atau wanita, turut percaya bahawa rogol merupakan suatu isu yang tidak mengenal kaum. Kepercayaan berdasarkan kesaksamaan ini amat mustahak dan perlu diiktiraf terutamanya di negara kita yang berbilang kaum.

Dari segi undang-undang, rogol bawah umur ditakrifkan sebagai hubungan seksual yang dilakukan dengan seorang kanak-kanak di bawah umur 16 tahun, tanpa mengira samada dia dikatakan “rela” ataupun tidak. Terdapat pelbagai perkara yang mempengaruhi kadar laporan polis yang dibuat berikutan kejadian rogol bawah umur.

Realitinya, sejumlah besar kejadian jenayah seksual masih tidak dilaporkan. Kebanyakan mangsa tidak membuat laporan kerana khuatir tentang kesan negatif yang menyusul kemudiannya. Seringkali mereka yang dipersalahkan kerana dirogol, malah ada yang dipaksa berkahwin dengan perogol demi mengelakkan “malu” atau “aib” pada keluarga mereka. Perkembangan sebegini amat membimbangkan terutamanya kerana ia menyebabkan peningkatan jumlah perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak di Malaysia.

Asasnya, ramai wanita tidak tahu hak-hak mereka dari segi undang-undang. Lebih buruk lagi, bila mereka membuat keputusan sukar untuk memaklumkan kepada pihak berwajib, ada yang meragui laporan mereka! Risau tentang trauma yang dilalui mungkin berulang lagi semasa siasatan ataupun semasa perbicaraan jenayah, adalah antara punca yang menekan menjadikan mereka tidak sanggup membuat laporan.

Isu ketidakseimbangan komposisi anggota-anggota polis turut menjadi punca kenapa sesetengah pihak keberatan untuk membuat laporan polis sejurus selepas berlakunya jenayah seksual. Sejak 2004 lagi Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Mohd Bakri Omar telah memahami faktor ini. Beliau telah menerangkan bahawa “*Negara berbilang kaum seperti Malaysia mesti dicerminkan di dalam komposisi kaum bagi perkhidmatan polis....kebanyakan anggota dan pegawai sememangnya hanya bumiputera dan hanya mereka yang berinteraksi dengan orang awam saban hari....Dominasi oleh satu kaum sahaja, menghalang interaksi berkesan dengan orang awam yang terdiri dari pelbagai kaum.*”



Kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menunjukkan beliau kurang memahami kerumitan isu-isu sekitar rogol atau rogol bawah umur, dan faktor peyumbang kepada jumlah laporan yang dibuat terhadap jenayah ini. Paling mendukacitakan, kenyataan yang dibuat bersifat prejudis, tidak sensitif kepada tatabudaya dan tidak menghormati perasaan rakyat Malaysia yang berfikiran wajar dan saksama, tidak kira samada mereka Melayu ataupun tidak.

Kami menyeru agar Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memohon maaf atas kenyataan beliau. Kami turut menyeru agar semua pemimpin-pemimpin dan penggubal polisi agar berhenti dari membuat kenyataan yang tidak munasabah, tidak perlu, tanpa asas atau boleh memecah-belahkan masyarakat amnya. Sebaliknya, kami menyeru agar semua pemimpin-pemimpin lebih tertumpu menyelesaikan kadar jenayah seksual yang semakin meningkat.

**Loh Cheng Kooi, Pengarah eksekutif,  
Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang (WCC)  
19 Mac 2014**

\*\*Ucapan oleh YDH Tan Sri Mohd. Bakri Bin Hj. Omar sempena Seminar Bisnes pada 26<sup>th</sup> July 2004, di Gurney Hotel, Penang